

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 12 Ogos 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JUN 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 16.8 peratus pada Jun 2024

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Jun 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 16.8 peratus pada Jun 2024 (29,914 tan metrik) berbanding pada Mei 2024 (25,608 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 0.2 peratus (Jun 2023: 29,867 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Jun 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (87.6%) berbanding sektor estet (12.4%).

Jumlah stok getah asli pada Jun 2024 menurun 8.5 peratus kepada 160,535 tan metrik berbanding 175,381 tan metrik pada Mei 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 90.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (9.8%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 39,800 tan metrik pada Jun 2024, menurun 21.6 peratus berbanding Mei 2024 (50,798 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 35.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2024 diikuti Jerman (11.8%), India (11.0%), Emiriah Arab Bersatu (6.6%) dan Amerika Syarikat (6.2%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.23 billion pada Jun 2024, menurun 1.7 peratus berbanding Mei 2024 (RM1.25 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 4.4 peratus (Jun 2024: 775.19 sen sekilogram; Mei 2024: 742.36 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 7.7 peratus (Jun 2024: 707.51 sen sekilogram; Mei 2024: 657.16 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 3.3 peratus hingga 4.4 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 3.5 peratus (daripada USD 1.69/kg kepada USD1.75/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 5.0 peratus (daripada USD2.15/kg kepada USD2.26/kg).

Prestasi suku kedua 2024 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 11.6 peratus kepada 76,848 tan metrik berbanding 86,944 tan metrik pada suku pertama 2024. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2024 pula mencatatkan penurunan 0.8 peratus berbanding suku kedua 2023 (77,453 tan metrik).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Jun 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bergerak dengan aliran menurun ditambah dengan data ekonomi China yang lemah. Sentimen pasaran juga dilemahkan oleh tarif baharu oleh Kesatuan Eropah ke atas China serta kadar faedah Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang tidak berubah. Sentimen global juga terjejas oleh permintaan lemah yang berterusan terutama dari China serta ketidaktentuan dasar kewangan Amerika Syarikat.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Jun 2023, Mei - Jun 2024
('000 tan metrik)**



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Jun 2023, Mei - Jun 2024
 ('000 tan metrik)



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2023/2024
 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
 12 OGOS 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 12th August 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA

JUNE 2024

Malaysia natural rubber production increased by 16.8 per cent in June 2024

PUTRAJAYA, 12 August 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, June 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 16.8 per cent in June 2024 (29,914 tonnes) as compared to May 2024 (25,608 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 0.2 per cent (June 2023: 29,867 tonnes). Production of NR in June 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (87.6%) as compared to estates sector (12.4%).

Total stocks of NR in June 2024 decreased by 8.5 per cent to 160,535 tonnes as compared to 175,381 tonnes in May 2024. Rubber processors factory contributed 90.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (9.8%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 39,800 tonnes in June 2024, decreased 21.6 per cent as against May 2024 (50,798 tonnes). P.R. China remained as the main

destination for NR exports which accounted 35.7 per cent of total exports in June 2024 followed by Germany (11.8%), India (11.0%), the United Arab Emirates (6.6%) and the United States of America (6.2%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.23 billion in June 2024, a decrease of 1.7 per cent as compared to May 2024 (RM1.25 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 4.4 per cent (June 2024: 775.19 sen per kg; May 2024: 742.36 sen per kg) while Scrap increased by 7.7 per cent (June 2024: 707.51 sen per kg; May 2024: 657.16 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 3.3 per cent to 4.4 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 3.5 per cent (from USD1.69/kg to USD1.75/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 5.0 per cent (from USD2.15/kg to USD2.26/kg).

The performance of the second quarter of 2024 showed natural rubber production decreased by 11.6 per cent to 76,848 tonnes as compared to 86,944 tonnes in the first quarter of 2024. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the second quarter of 2024 recorded a decrease of 0.8 per cent as compared to the first quarter 2024 (77,453 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in June 2024, the Kuala Lumpur rubber market moving downtrend coupled with soft Chinese economic data. Market sentiment was also dampened by new European Union tariffs on China, and after U.S. Federal Reserve left interest rates unchanged. Global sentiment was also weighed down by persistent weak demand, particularly from China and uncertainties on the U.S. monetary policies.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture

Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber June 2023, May - June 2024 ('000 tonnes)






Chart 2: Imports and exports of natural rubber June 2023, May - June 2024 ('000 tonnes)



**Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2023/2024
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 AUGUST 2024**